

Pelajar universiti

lengkapkan diri dengan kemahiran insaniah

7 kemahiran insaniah

- **Komunikasi**
- **Pemikiran kritis**
- **Bekerja sepasukan**
- **Pembelajaran sepanjang hayat**
- **Keusahawanan**
- **Etika moral profesional**
- **Kepimpinan**

- **Anak peneroka disaran tingkatkan ilmu kuasai kemahiran**

GRADUAN universiti merupakan antara golongan utama yang akan menerima impak negatif kesan daripada krisis ekonomi global. Dalam konteks ini, kelulusan akademik atau memperoleh CGPA 4.0 belum tentu menjanjikan peluang pekerjaan terbentang luas di depan mata.

Apakah situasi ini akan mengundang pengangguran di kalangan siswazah ekoran krisis ekonomi global? Menjawab persoalan ini, Pengarah Pusat Kokurikulum Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, graduan masa kini perlu tampil dalam satu pakej terutamanya menguasai kemahiran komunikasi bahasa Inggeris yang menjadi bahasa global.

“Sudah tiba masanya di mana CGPA 3.0 atau 4.0 tidak menjamin kerjaya pilihan di depan mata. Persaingan semakin sengit dan tanpa kemahiran komunikasi dan softskills yang lain, mereka akan ketinggalan dalam meraih peluang-peluang pekerjaan. Pelajar juga perlu memiliki pemikiran di luar kotak yang berupaya menjana pemikiran kritis,” katanya.

Beliau berkata, pihak majikan hari ini bukan sahaja mencari pekerja yang cerdik dan hanya memiliki kelulusan akademik cemerlang tetapi mampu berfikir secara kritis dan memiliki ciri-ciri kepimpinan.

Dalam satu sesi temuduga, misalnya, penemuduga tidak akan bertanya soalan yang berkaitan dengan pengajian tetapi akan membuka ruang pemikiran yang lebih luas bagi melihat sejauh mana keupayaan calon berfikir secara kritis. Malah, ada juga majikan yang mengendalikan sesi temuduga secara berkumpulan untuk menilai daya kepimpinan, semangat kerja berpasukan dan berfikiran analitik.

“Graduan yang ketika di universiti hanya menghabiskan masanya dengan menelaah pelajaran dan tidak terlibat dengan aktiviti kokurikulum yang lain amat merugikan. Ini kerana *softskills* hanya boleh diperolehi melalui aktiviti kokurikulum seperti mengendalikan

majlis makan malam, program kebajikan di kolej atau fakulti,” ujar beliau.

● Ibu bapa jangan tetapkan kerjaya pilihan anak-anak

Tidak dapat dinafikan, sikap ibu bapa menjadi antara punca pengangguran di kalangan siswazah. Ini kerana mereka masih dibelenggu pemikiran lama bahawa graduan universiti tidak layak bekerja dengan gaji rendah sebaliknya perlu sekurang-kurangnya mempunyai gelaran ‘Pegawai’ atau ‘Eksekutif’.

Situasi demikian menyebabkan graduan tidak berupaya membina keyakinan diri dan menimba pengalaman kerja kerana terkongkong dengan sikap ibu bapa yang malu jika anak-anak tidak memenuhi impian mereka.

Dalam konteks ini, beliau berkata, pengalaman awal bekerja sebaik tamat pengajian sebenarnya amat diperlukan majikan walaupun hanya sekadar menjadi pekerja di restoran makanan segera.

“Mungkin kita tidak nampak



**MOHAMMAD SHATAR
SABRAN**

kelebihannya. Tetapi bagi mereka yang bekerja di restoran makanan segera, daya ketahanan diri sebenarnya lebih tinggi kerana setiap hari berdepan dengan pelbagai kerenah pelanggan. Selain itu, secara tidak langsung mereka juga meningkatkan kemahiran komunikasi dan pengurusan kerja yang sistematik,” ujar Mohammad Shatar.

Beliau juga menasihati ibu bapa agar tidak terlalu menekan anak-anak dengan kerjaya yang mereka inginkan setelah tamat pengajian.

Dalam suasana ekonomi pada hari ini, katanya, tidak semestinya seorang pelajar undang-undang, akan menjadi peguam sebaliknya kepelbagaian peluang pekerjaan memberi mereka banyak pilihan, antaranya menjadi perunding pelaburan atau usahawan.

“Jika ibu bapa boleh mengubah persepsi mereka, sudah tentu kadar pengangguran dapat dikurangkan. Pada masa yang sama, graduan jangan memilih kerja. Menguasai softskill tidak hanya di bilik kuliah tetapi melalui pengalaman bekerja dari peringkat bawah,” katanya.

Beliau menegaskan, anak-anak muda yang berada di luar bandar, perlu menguasai ilmu kemahiran bagi mengelakkan mereka terperuk dengan pekerjaan tradisional.

“Sebagai contoh, mereka yang membuka bengkel membaiki motosikal. Takkan selama-lamanya hendak berada di kampung, sekurang-kurangnya mereka perlu pelbagaikan cabang perniagaan dan cuba membuka satu lagi cawangan di kampung berdekatan pula. Di samping itu, mereka kena mengikuti kursus latihan berkaitan kemahiran perniagaan atau membaiki kenderaan di GiatMara atau Institut Kemahiran Mara (IKM),” jelasnya.

Ini amat penting supaya mereka dapat melihat ‘dunia’ dengan lebih luas melalui kursus-kursus latihan kemahiran dan tidak ketinggalan dalam arus globalisasi.

petronas.com

100
100
100

Standby

**PETRONAS, PETCHEM BUSINESS
WALK IN INTERVIEW 2008**

29 MARCH 2008

1 00 PM





KELULUSAN akademik cemerlang dan memiliki pemikiran kritis mampu membuka peluang kepada graduan dalam pasaran pekerjaan.